

## DASAR PERLINDUNGAN KANAK-KANAK UWCSEA

### ISI KANDUNGAN

Kenyataan Dasar	2
Rasional Dasar	2
Definisi dan Penjelasan	2
Kategori Penderaan	3
Prinsip Perlindungan UWCSEA	3
Peranan dan Tanggungjawab untuk Memberi Perlindungan	4
Prosedur Perlindungan Kanak-kanak	4
• Melaporkan Kebimbangan yang Berkaitan dengan Isu-isu Perlindungan	4
• Melaporkan Kebimbangan yang Berkaitan dengan Isu-isu Perlindungan yang Melibatkan Pekerja UWCSEA	5
Tindak Balas Terhadap Kebimbangan yang Berkaitan dengan Isu-isu Perlindungan	5
• Penderaan oleh Rakan Sebaya	5
Prosedur dan Amalan yang Berkaitan	5
• Penyimpanan Rekod	5
• Etika Profesional Dan Peribadi Kakitangan	5
• Pendidikan tentang Tingkah Laku yang Selamat	5
• Latihan Perlindungan Kakitangan	6
• Pengambilan Pekerja yang Lebih Selamat	6
• Sukarelawan	6
• Keselamatan Digital/Perlindungan Data Peribadi	6
Dasar dan Prosedur yang Berkaitan	7
Semakan Dasar	7
Lampiran 1: Peranan dan Tanggungjawab untuk Memberi Perlindungan	8

## Kenyataan Dasar

Kolej Bersatu Dunia Asia Tenggara (“United World College South East Asia” (UWCSEA)) komited untuk melindungi pelajar daripada bahaya. Kami percaya bahawa setiap kanak-kanak dan anak muda, tidak kira umur, mempunyai hak untuk berasa selamat dan hak untuk dilindungi pada setiap masa dan dalam setiap keadaan.

Dasar UWCSEA adalah mewujudkan dan mengekalkan secara proaktif persekitaran yang bertujuan untuk mengelakkan dan menghalang sebarang tindakan dan kealpaan, sama ada sengaja atau tidak sengaja, yang akan mendatangkan apa-apa jenis risiko penderaan kanak-kanak. Melalui kesedaran, amalan yang baik, dan latihan, UWCSEA berusaha untuk meminimumkan risiko penderaan kanak-kanak dan mengambil langkah-langkah positif untuk membantu melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa penderaan.

## Rasional Dasar

Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kolej Bersatu Dunia Asia Tenggara adalah selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Akta Hak Kanak-kanak, Kanak-Kanak Singapura dan Anak Muda (2011), serta cadangan-cadangan Pasukan Petugas Antarabangsa mengenai Perlindungan Kanak-kanak yang telah menetapkan piawaian perlindungan untuk sekolah di seluruh dunia. UWCSEA menyedari bahawa kebajikan kanak-kanak adalah perkara yang paling penting dan semua kanak-kanak, tidak kira usia, kecacatan, pertukaran jantina, bangsa, agama atau kepercayaan, seks atau orientasi seksual, mempunyai hak yang sama rata untuk dilindungi daripada semua jenis bahaya dan penderaan.

UWCSEA mengkehendaki semua individu dan kumpulan yang berhubung dengan komuniti sekolah bertindak dengan penuh integriti dan melaksanakan tanggungjawab untuk menjaga keselamatan pelajar. Dasar ini mengikat semua orang yang mempunyai hubungan dengan komuniti sekolah termasuk kakitangan, rakan kongsi perkhidmatan dan aktiviti, sukarelawan, agensi yang berkaitan, pelatih, kontraktor, ibu bapa dan pelawat.

## Definisi dan Penjelasan

**Kanak-kanak atau Anak Muda:** Kerajaan Singapura mentakrifkan kanak-kanak sebagai seseorang yang berumur di bawah 14 tahun, dan anak muda sebagai seseorang yang berumur lebih 14 tahun tetapi di bawah 16 tahun. Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-Kanak mendefinisikan seorang kanak-kanak sebagai "seseorang yang berumur di bawah 18 tahun". Di UWCSEA, kami menggunakan istilah 'kanak-kanak' untuk pelajar yang berumur di bawah 16 tahun dan istilah 'anak muda' untuk pelajar yang berumur lebih 16 tahun tetapi di bawah 18 tahun. Kami bertanggungjawab kepada semua pelajar UWCSEA tanpa mengira umur dan termasuk pelajar UWCSEA yang berumur lebih 18 tahun.

**Perlindungan:** Perlindungan akan diberikan kepada semua pelajar di UWCSEA. Perlindungan merujuk kepada langkah-langkah proaktif yang kami ambil untuk melindungi pelajar kami daripada penderaan, mencegah kemudaratan kepada kesihatan dan pembangunan pelajar, memastikan pelajar dapat membesar dengan adanya penjagaan yang selamat dan berkesan; dan mengambil tindakan yang membolehkan semua kanak-kanak mendapat keputusan yang terbaik (Menjaga Keselamatan Kanak-kanak yang Sedang Mendapatkan Pendidikan, 2019).

**Perlindungan Kanak-kanak:** Perlindungan kanak-kanak menghuraikan dasar dan prosedur yang khusus untuk anak-anak muda yang terdedah kepada risiko atau yang telah dcederakan secara serius. Perlindungan kanak-kanak merujuk kepada langkah-langkah reaktif yang kami ambil untuk memastikan pelajar selamat daripada penderaan atau pengabaian yang serius.

**Ketua Perlindungan yang Dilantik:** Ketua Perlindungan yang Dilantik adalah seorang kakitangan kanan yang terlatih dalam bidang perlindungan kanak-kanak dan bertanggungjawab untuk menerima, menyiasat, dan bertindak balas terhadap kebimbangan yang berkaitan dengan isu-isu perlindungan di UWCSEA. Tanggungjawab Ketua Perlindungan yang Dilantik disenaraikan dalam Peranan dan Tanggungjawab di Lampiran 1.

**Ketua Perlindungan Kolej:** Ketua Perlindungan Kolej adalah orang yang dilantik untuk memainkan peranan utama dalam melindungi kanak-kanak dan menangani isu-isu perlindungan di UWCSEA. Tanggungjawab organisasi, operasi dan strategik Ketua Perlindungan Kolej disenaraikan dalam *Penerangan Pekerjaan* untuk Ketua Perlindungan Kolej.

## Kategori Penderaan

Penderaan kanak-kanak adalah satu masalah yang serius dan rumit yang mungkin berlaku dalam kehidupan kanak-kanak dan anak muda. Penderaan kanak-kanak termasuk kecederaan fizikal, pengabaian, penderaan seksual dan penderaan emosi secara sengaja. Dalam bentuk yang paling serius, penderaan boleh mengakibatkan kematian atau kemudaratan kepada perkembangan kanak-kanak atau anak muda. Kategori penderaan termasuk:

**Penderaan fizikal** - Secara umumnya, penderaan fizikal merujuk kepada keganasan fizikal secara sengaja terhadap seorang kanak-kanak oleh seorang dewasa atau dalam keadaan yang terdapat perbezaan kuasa yang mengakibatkan kecederaan kepada kanak-kanak. Keganasan secara fizikal termasuk, tetapi tidak terhad kepada menolak, memukul, menampar, menggoncang, membaling, menumbuk, menendang, menggigit, membakar, mencekik dan meracun.

**Penderaan Emosi / Psikologi** - Kegagalan ibu bapa atau penjaga untuk memberikan penjagaan bukan fizikal, sokongan emosi atau masa luang kepada kanak-kanak.

**Penderaan Seksual** - Penglibatan seorang kanak-kanak dalam aktiviti seksual yang tidak difahami sepenuhnya olehnya, atau yang mana kanak-kanak tidak dapat memberikan persetujuan yang jelas, atau yang melanggar undang-undang atau pantang larang sosial masyarakat. Secara spesifik, penderaan ini melibatkan suatu keadaan yang mana terdapat perbezaan kuasa dan aktiviti tersebut bertujuan untuk memuaskan atau memenuhi keperluan kanak-kanak yang lebih tua atau orang dewasa. (Laporan Perundingan Pencegahan Penderaan Kanak-Kanak, Geneva, 29-31 Mac 1999, Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Perubahan Sosial dan Kesihatan Mental, Pencegahan Keganasan dan Kecederaan).

**Pengabaian** - Kegagalan ibu bapa atau penjaga untuk menyediakan suasana-suasana yang penting untuk pembangunan fizikal atau emosi kanak-kanak, seperti yang ditakrifkan oleh Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Akta Hak Kanak-Kanak dan Kanak-kanak Singapura dan Anak Muda.

**Penderaan oleh Rakan Sebaya:** Selain daripada penderaan oleh orang dewasa, kanak-kanak dan anak muda juga boleh dieksploitasi, dibuli dan/atau dicerderakan oleh **rakan sebaya** mereka.

## Prinsip Perlindungan UWCSEA

Matlamat utama prosedur perlindungan adalah untuk menghalang dan bertindak balas terhadap kanak-kanak yang sedang mengalami, atau yang terdedah kepada risiko penderaan, pengabaian, keganasan, dan eksploitasi. Prosedur perlindungan memberi tumpuan kepada pemberian sokongan kepada kanak-kanak yang paling lemah dan yang berisiko tinggi serta kanak-kanak lain yang lemah dalam masyarakat, dan tidak bertujuan untuk memberi sokongan kepada semua kanak-kanak yang menghadapi masalah atau menangani isu-isu sosial sistemik. Prinsip-prinsip berikut adalah dasar kepada semua proses perlindungan di UWCSEA.

**Kepentingan Terbaik Kanak-kanak:** Istilah "kepentingan terbaik kanak-kanak" merujuk kepada keselamatan fizikal dan emosi pelajar, serta hak mereka untuk pembangunan yang positif. Di UWCSEA, kepentingan

terbaik kanak-kanak adalah asas bagi semua keputusan dan tindakan yang diambil berkaitan dengan perlindungan dan penjagaan pastoral.

**Mewujudkan persekitaran yang selamat dan penyayang yang membolehkan kanak-kanak berkembang maju:** UWCSEA menyedari bahawa perlindungan kanak-kanak dan anak muda adalah tanggungjawab semua anggota komuniti kami termasuk kakitangan, ibu bapa, pelajar, sukarelawan, pelawat, dan organisasi perkongsian. Melalui komitmen bersama ini, UWCSEA berhasrat untuk mewujudkan persekitaran yang mana semua orang berasa selamat dan dapat berkongsi kebimbangan yang berkaitan dengan isu-isu di dalam atau di luar Kolej.

Kolej ini berusaha untuk mencegah penderaan dan pengabaian kanak-kanak secara proaktif melalui program kesejahteraan, penjagaan pastoral dan pendidikan pelajar. Amalan yang terbaik akan digunakan di dalam kolej ini untuk mengawasi pelajar. Pendekatan restoratif turut akan diambil terhadap insiden sosial dan tingkah laku yang berlaku dalam komuniti pelajar.

Melalui pengambilan dan pemilihan sukarelawan dan pekerja yang dibayar, UWCSEA komited untuk memastikan, bahawa semua orang yang bekerja di kolej kami adalah sesuai untuk bekerja di kalangan kanak-kanak. Selaras dengan dasar ini, pemohon untuk jawatan di Kolej mesti bersedia menjalani pemeriksaan perlindungan kanak-kanak termasuk pemeriksaan dengan bekas majikan. Kod Etika Perlindungan Kakitangan UWCSEA menghuraikan dengan jelas mengenai cara seseorang dewasa harus berinteraksi dengan kanak-kanak dan anak muda sepertimana yang diharapkan oleh Kolej.

**Kerahsiaan:** UWCSEA akan menguruskan maklumat sensitif dengan penuh hormat, profesional dan mematuhi undang-undang yang terpakai. Kakitangan perlu menyimpan secara sulit semua maklumat mengenai sebarang insiden yang berkaitan dengan isu perlindungan yang disyaki atau yang telah dilaporkan. Hanya kakitangan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan risiko yang telah dikenal pasti terhadap seorang kanak-kanak, anak muda atau komuniti UWCSEA, akan mendapat maklumat ini. Kami perlu menyedari bahawa UWCSEA berfungsi dalam konteks undang-undang perlindungan kanak-kanak tempatan dan antarabangsa dan kami akan berkongsi kebimbangan yang berkaitan dengan isu-isu perlindungan dengan pihak-pihak lain yang perlu mengetahui tentangnya.

Tanpa mengira kewajipan kerahsiaan, setiap kakitangan yang mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa seseorang kanak-kanak telah didera, atau terdedah kepada risiko penderaan, wajib memberitahu maklumat tersebut kepada Ketua Perlindungan yang Dilantik tanpa berlengah-lengah.

## Peranan dan Tanggungjawab Perlindungan di seluruh Kolej

Perlindungan kanak-kanak diintegrasikan ke dalam semua aspek operasi Kolej untuk mewujudkan budaya kesedaran dan kewaspadaan. Langkah-langkah perlindungan kanak-kanak akan dimasukkan ke dalam proses-proses seperti perancangan strategik, belanjawan, pengambilan pekerja, pengurusan lawatan, pembangunan kurikulum, pengurusan prestasi kakitangan, pembelian, perjanjian perkongsian, pengurusan risiko dan komunikasi. Kolej ini menetapkan peranan-peranan utama dan tanggungjawab-tanggungjawab perlindungan yang spesifik di seluruh organisasi. Butiran mengenai peranan-peranan utama dan tanggungjawab-tanggungjawab perlindungan tersebut boleh didapati di *Lampiran 1*.

## Melaporkan dan Bertindak Balas terhadap Kebimbangan yang Berkaitan dengan Isu-Isu Perlindungan

UWCSEA komited untuk melengkapkan semua kakitangan, sukarelawan dan ibu bapa dengan pengetahuan untuk melaporkan kebimbangan tentang isu-isu perlindungan supaya kami dapat mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menjaga keselamatan kanak-kanak atau anak muda. *Kod Etika Perlindungan Kakitangan* mengkehendaki kakitangan membuat laporan tentang isu-isu perlindungan seseorang pelajar tepat pada waktunya dan secara wajar.

Matlamat utama tindak balas perlindungan adalah untuk mencegah dan bertindak balas terhadap kanak-kanak yang sedang mengalami atau yang terdedah kepada risiko penderaan, pengabaian, keganasan,

### Child Safeguarding Policy

**Policy Owner | Contributor/s:** College Safeguarding Lead

**Approval Authority:** Board of Governors (Engagement Committee) and College Leadership Team

**Effective from:** 29th September 2017

**Last Revision:** November 2019

dan/atau eksploitasi. Prosedur perlindungan tidak bertindak terhadap semua kebimbangan tentang kesejahteraan pelajar tetapi direka khas untuk memberi sokongan kepada kanak-kanak yang paling lemah dan yang berisiko tinggi. Kes yang kurang serius yang mana tiada risiko bahaya psikologi atau fizikal yang ketara akan dikendalikan melalui sistem kebajikan pelajar UWCSEA.

UWCSEA menyedari bahawa kerjasama dengan kanak-kanak, anak muda, ibu bapa, penjaga dan agensi lain adalah penting untuk melindungi kepentingan anak muda.

*Prosedur Operasi Standard untuk Bertindak Balas terhadap Kebimbangan yang Berkaitan dengan Isu-isu Perlindungan* menghuraikan secara terperinci tentang prosedur-prosedur untuk membuat laporan, menyiasat dan bertindak balas terhadap kebimbangan yang berkaitan dengan isu-isu perlindungan yang melibatkan pelajar UWCSEA manakala *Prosedur Operasi Standard untuk Bertindak Balas terhadap Kebimbangan yang Berkaitan dengan Isu-isu Perlindungan Pekerja UWCSEA* menghuraikan secara terperinci prosedur-prosedur untuk menyiasat dan bertindak balas terhadap kebimbangan yang berkaitan dengan isu-isu perlindungan yang melibatkan pekerja atau sukarelawan UWCSEA.

### **Bertindak Balas terhadap Tuduhan atau Kebimbangan mengenai Penderaan oleh Rakan Sebaya**

Sebarang laporan tentang kemungkinan penderaan oleh rakan sebaya akan disiasat dan dikendalikan melalui sistem perlindungan dan bukannya melalui proses kesejahteraan pelajar. Ini adalah untuk memastikan tindak balas yang segera bagi meminimumkan risiko bahaya kepada seseorang kanak-kanak atau anak muda. Jika seorang pelajar yang berumur di bawah 16 tahun disyaki terdedah kepada risiko bahaya yang serius daripada rakan sebaya, UWCSEA akan segera melaporkan kejadian tersebut kepada Perkhidmatan Perlindungan Kanak-kanak Singapura dan/atau Polis Singapura. Bagi pelajar-pelajar yang berumur lebih 16 tahun, Kolej ini akan memberikan maklumat dan sokongan kepada mereka jika mereka ingin membuat laporan polis. Selain itu, bergantung kepada keadaan setiap kes, nasihat undang-undang, dan perundingan dengan pegawai Polis Kolej, Kolej ini akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya sama ada akan membuat laporan kepada Polis Singapura

## **Prosedur dan Amalan yang Berkaitan**

### **Penilaian Risiko Perlindungan**

Kakitangan bertanggungjawab menilai risiko yang berhubungan dengan acara dan aktiviti UWCSEA yang melibatkan kanak-kanak. Penilaian risiko ini akan mengambil kira profil kumpulan pelajar, bahaya atau risiko yang telah dikenalpasti, kemungkinan risiko itu berlaku, dan akibat-akibat risiko. Maklumat ini akan digunakan untuk menentukan tahap langkah-langkah perlindungan yang diperlukan untuk menjamin keselamatan acara tersebut.

### **Penyimpanan Rekod**

Semua fail perlindungan pelajar harus dimasukkan dan disimpan dalam sistem penyimpanan rekod digital yang selamat (CPOMS) yang disediakan oleh Kolej. Ketua-ketua Perlindungan bertanggungjawab untuk memastikan semua dokumen kes adalah lengkap dan faktual. Apabila memasuki nota-nota kes, kakitangan perlu berhati-hati untuk membezakan antara fakta dan pendapat profesional, dan memastikan bahawa semua pendapat profesional disokong oleh rasional yang jelas.

Fail-fail kes yang berkaitan dengan tuduhan terhadap kakitangan UWCSEA, sukarelawan, atau organisasi perkongsian akan disimpan di dalam fail kertas dan dengan selamat oleh Ketua Perlindungan Kolej. Beliau akan menyimpan satu rekod pusat untuk semua kes tersebut.

### **Tingkah Laku Profesional Dan Peribadi Kakitangan**

Kolej ini mempunyai kewajipan untuk memastikan hubungan yang profesional antara kakitangan dan kanak-kanak, dan semua kakitangan mengetahui dengan jelas apa yang dimaksudkan dengan kelakuan yang wajar dan sempadan profesional. *Kod Etika Perlindungan UWCSEA* menghuraikan tingkah laku seseorang dewasa yang diharapkan oleh Kolej semasa berada di kalangan kanak-kanak dan anak muda.

## **Pendidikan Tentang Tingkah Laku yang Selamat**

UWCSEA mempunyai program Pendidikan Peribadi dan Sosial yang komprehensif daripada K1-12 yang meliputi peluang pengajaran dan pembelajaran formal yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak seperti pembulian, keselamatan diri, penderaan fizikal, manipulasi, dandanan, keselamatan dalam talian, tingkah laku seksual yang sihat, pengabaian dan kelalaian, mencederakan diri, dan pendedahan tentang penderaan. Guru-guru akan menerima latihan dan perkhidmatan dalam pekerjaan dengan kerap agar penyampaian pelajaran-pelajaran ini boleh berjalan dengan lancar.

## **Latihan Perlindungan Kakitangan**

Kolej ini akan memastikan bahawa program pengenalan, pendidikan dan latihan kakitangan membentuk satu bahagian penting dalam komitmen kami untuk melindungi kanak-kanak dan anak muda daripada penderaan dan pengabaian. Kolej ini mempunyai program latihan profesional yang teratur dan sistematik untuk melindungi ketua-ketua perlindungan, pemimpin sekolah, kakitangan guru dan kakitangan bukan guru, serta sukarelawan.

Semua kakitangan baru akan diberikan program pengenalan tentang perlindungan, yang akan memberikan gambaran yang menyeluruh tentang penderaan kanak-kanak serta menjelaskan sistem untuk melaporkan kebimbangan tentang isu-isu perlindungan. Semasa program pengenalan dijalankan, kakitangan akan menerima satu salinan *Dasar Perlindungan* dan *Kod Etika Perlindungan*. Di samping itu, semua kakitangan baru di sekolah (termasuk kakitangan guru dan pentadbir yang bekerja secara sambilan, separa masa, dan sepenuh masa) dikehendaki melengkapkan latihan perlindungan kanak-kanak dalam talian. Latihan perlindungan kanak-kanak lanjutan akan disediakan untuk Ketua Perlindungan yang Dilantik dan kaunselor.

## **Pengambilan Pekerja yang Lebih Selamat**

Kolej ini menggunakan piawaian amalan yang terbaik dalam pengambilan dan pemeriksaan kakitangan, dan akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa kolej ini menggaji orang yang paling sesuai dan wajar untuk bekerja di kalangan kanak-kanak. Semua kakitangan yang bakal digaji dikehendaki menjalani pemeriksaan latar belakang yang sesuai sebelum memulakan penggajian. Pendekatan kolej ini berkenaan dengan amalan sumber manusia bagi memastikan keselamatan kanak-kanak boleh didapati di *Dasar Pengambilan dan Pemilihan Pekerja UWCSEA*.

## **Sukarelawan**

Kami memahami bahawa sesetengah orang yang tidak sesuai untuk bekerja di kalangan kanak-kanak mungkin bekerja sebagai sukarelawan untuk mendekati kanak-kanak. Ibu bapa atau sukarelawan yang membantu untuk satu kali sahaja akan bekerja di bawah pengawasan langsung seorang kakitangan dan tidak sekali-kali akan dibenarkan berhubung dengan kanak-kanak secara berseorangan. Semua sukarelawan mesti melengkapkan LATIHAN SUKARELAWAN UWCSEA iaitu modul pembelajaran dalam talian sebelum berhubung dengan pelajar.

## **Keselamatan Digital/Perlindungan Data Peribadi**

Kolej ini komited untuk mewujudkan komuniti pembelajaran digital yang selamat melalui kurikulum, pembangunan profesional, pengauditan sistem, kerjasama dengan ibu bapa, dan perancangan dasar yang terperinci. Jabatan Teknologi Maklumat bertanggungjawab untuk memantau penggunaan teknologi maklumat oleh kedua-dua pelajar dan kakitangan, dan melaporkan sebarang kebimbangan tentang isu-isu perlindungan dengan segera kepada Pemimpin Kolej atau Ketua Perlindungan Kolej.

UWCSEA mempunyai *Dasar Perlindungan Data* yang mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2012 (PDPA), Singapura yang mengawal pengambilan, penggunaan dan pendedahan data peribadi, dengan mengiktirafkan keperluan individu dan organisasi. Kakitangan dan kanak-kanak dikehendaki melibatkan diri dalam penggunaan komunikasi digital dan media sosial yang selamat seperti yang ditetapkan oleh *Protokol E-mel UWCSEA*, *Protokol Mesej Segera UWCSEA* dan *Dasar Pengambilan, Penyimpanan dan Perkongsian Media Digital UWCSEA*.



## Dasar yang Berkaitan

Kenyataan dasar ini harus dibaca bersama-sama dengan dasar dan prosedur organisasi kami, termasuk:


- [Kod Etika Perlindungan Pekerja UWCSEA](#)
- [Dasar Anti-Pembulian](#)
- [Dasar Komunikasi](#)
- [Protokol Media Sosial untuk Kakitangan](#)
- [Protokol E-mel untuk Kakitangan](#)
- [Protokol untuk Pengumpulan, Perkongsian dan Penyimpanan Media Digital](#)
- [Dasar Perlindungan Data](#)
- [Dasar Pemberian Maklumat](#)
- [Mengendalikan Pembongkaran Kes Penderaan](#)
- [Penerangan Pekerjaan bagi Ketua Perlindungan Kolej](#)

## Semakan Dasar

Ketua Perlindungan Kolej, Presiden Kolej, dan kedua-dua Ketua Kampus bertanggungjawab untuk memastikan dasar ini dilaksanakan dengan sepenuhnya. Dasar ini dan semua prosedur dan amalan yang berkaitan, akan dikaji semula dan dikemas kini setiap dua tahun. Presiden Kolej akan menandatangani satu salinan dasar yang telah disemak dan akan berkongsi dasar tersebut dengan Lembaga Pengarah. Sila rujuk kepada laman web perlindungan kanak-kanak kami untuk prosedur dan amalan yang berkaitan.

Kami komited untuk menyemak dasar dan amalan kami setiap tahun.

Dasar ini telah disemak pada: .....**15hb November 2019**.....



Tandatangan: .....

Tandatangan:.....

**Carma Elliot**  
**Presiden Kolej**

**Anna Lord**  
**Pengerusi Lembaga**  
**Gabenor Perlindungan**

## Lampiran 1: Peranan dan Tanggungjawab untuk Memberi Perlindungan di Kolej

<b>Peranan dan Tanggungjawab</b>
<p><b>PERLINDUNGAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerima laporan secara tetap –bilangan dan jenis kes</li> <li>ii. Memberi sokongan kepada Ketua Perlindungan Kolej untuk mengimplementasikan Dasar Perlindungan</li> <li>iii. Membuat belanjawan untuk memenuhi keperluan dan syarat-syarat untuk perlindungan kanak-kanak seperti latihan</li> <li>iv. Menyelia dan memastikan kolej melaksanakan Dasar Perlindungan Kanak-kanak</li> </ul>
<p><b>KETUA PERLINDUNGAN KOLEJ</b> Sila rujuk kepada <a href="#">Penerangan Pekerjaan bagi Ketua Perlindungan Kolej</a></p>
<p><b>KETUA PERLINDUNGAN YANG DILANTIK</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memberi nasihat dan sokongan kepada kakitangan mengenai kebajikan dan perlindungan kanak-kanak</li> <li>ii. Mengkoordinasikan 'pasukan sokongan' berikutan tuduhan atau pembongkaran penderaan</li> <li>iii. Bertindak balas terhadap pembongkaran penderaan</li> <li>iv. Menyelenggarakan rekod untuk memastikan penyimpanan sulit dan pemindahan maklumat seperti yang dikehendaki</li> <li>v. Mengendalikan proses rujukan dan sokongan</li> <li>vi. Memastikan pengurus barisan mengetahui semua perkara penting yang berkaitan dengan perlindungan</li> <li>vii. Mengemukakan perkara-perkara yang berkaitan dengan perlindungan secara umum</li> <li>viii. Menyokong pelaksanaan dasar dan prosedur Singapura dan berurusan dengan Perkhidmatan Perlindungan Anak Singapura</li> <li>ix. Menyokong pelaksanaan kurikulum Pendidikan Peribadi dan Sosial yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak</li> </ul>
<p><b>KAUNSELOR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ahli pasukan sokongan disiplin</li> <li>ii. Memberi sokongan dan bimbingan kaunseling mengikut cadangan Ketua Perlindungan yang Dilantik</li> <li>iii. Memberi nasihat dan pendidikan psikologi jika perlu atau dijangkakan perlu</li> <li>iv. Memimpin atau menasihati tentang inisiatif kesihatan mental di seluruh Kolej</li> </ul>
<p><b>KETUA FASILITI DAN OPERASI</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memastikan bahawa pertimbangan yang sewajarnya diberikan kepada reka bentuk, susunatur, penugasan dan penggunaan bangunan dan kemudahan untuk memastikan amalan terbaik dalam perlindungan keselamatan kanak-kanak.</li> <li>ii. Membangun dan mematuhi dasar CCTV yang merangkumi penggunaan CCTV yang sewajarnya dalam penyiasatan insiden yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak.</li> <li>iii. Melaksanakan dan menyelenggarakan sistem pendaftaran pelawat untuk memastikan pelawat mendapat kebenaran untuk memasuki Kampus dan diawasi oleh kakitangan UWCSEA.</li> <li>iv. Melaporkan sebarang kebimbangan tentang isu-isu perlindungan dengan segera kepada Pengarah Kemudahan dan Operasi yang akan bertindak mengikut prosedur yang disenaraikan dalam Prosedur Operasi Standard untuk Bertindak Balas Terhadap Kebimbangan yang Berkaitan dengan Isu-isu Perlindungan.</li> <li>v. Menyelia pengurusan risiko dalam perlindungan dan keselamatan pelajar semasa membuat lawatan ke</li> </ul>

**Child Safeguarding Policy**

**Policy Owner | Contributor/s:** College Safeguarding Lead

**Approval Authority:** Board of Governors (Engagement Committee) and College Leadership Team

**Effective from:** 29th September 2017

**Last Revision:** November 2019



<p>luar negara.</p> <p>vi. Memastikan Klinik Kolej dilengkapi dengan sumber-sumber yang sesuai dan beroperasi untuk memastikan amalan yang bertahap tinggi bagi melindungi kanak-kanak mengikut dasar dan prosedur kami.</p>
<p><b>PENGARAH SUMBER MANUSIA</b></p> <p>i. Memastikan Kolej mengikut amalan terbaik berkaitan dengan proses pengambilan dan pemilihan pekerja yang lebih selamat.</p> <p>ii. Menyokong Pemimpin Kolej untuk menyasat tuduhan-tuduhan terhadap kakitangan yang berkaitan dengan isu-isu perlindungan.</p> <p>iii. Menyokong pemimpin untuk mengambil tindakan disiplin jika wajar.</p> <p>iv. Memastikan semua orang dewasa yang mempunyai hubungan langsung atau tidak langsung dengan pelajar UWCSEA adalah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• sesuai untuk bekerja di kalangan dan di sekitar kanak-kanak</li> <li>• bersetuju untuk mematuhi Kod Etika Perlindungan UWCSEA</li> <li>• mempunyai kesedaran asas tentang perlindungan kanak-kanak</li> </ul>
<p><b>PENGARAH PERHUBUNGAN LUAR</b></p> <p>i. Menggalakkan perlindungan dengan memasukkan isu ini dalam komunikasi biasa Kolej, papan tanda, laman web, risalah, dan lain-lain;</p> <p>ii. Mengawasi Dasar Komunikasi Kolej dan protokol yang berkaitan, termasuk garis panduan untuk mengambil, berkongsi dan menyimpan imej digital; dan</p> <p>iii. Bekerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa dan ibu bapa sukarelawan yang lain untuk memastikan mereka menyedari dengan sepenuhnya tentang keperluan perlindungan di Kolej.</p>
<p><b>PENGARAH TEKNOLOGI MAKLUMAT</b></p> <p>i. Menyediakan Sistem Teknologi Maklumat yang menyokong operasi Kolej, termasuk penyediaan persekitaran dalam talian yang selamat dan sesuai untuk pembelajaran.</p> <p>ii. Menyokong penyediaan kurikulum keselamatan dalam talian yang sesuai kepada pelajar dan membantu memantau keberkesanannya.</p> <p>iii. Memastikan alat pengawasan yang sesuai disediakan untuk Sistem Teknologi Maklumat Kolej supaya penggunaan sistem yang tidak sesuai dapat dicegah dan/atau disiasat dengan berkesan.</p> <p>iv. Membangunkan dan menyelenggarakan dasar dan amalan keselamatan data yang sesuai untuk memastikan bahawa data yang sensitif hanya diakses oleh orang-orang yang telah diberi kebenaran dan orang-orang yang sesuai.</p> <p>v. Pengarah Teknologi Maklumat juga merupakan Pegawai Perlindungan Data Kolej.</p>